

**Lampiran 1****Ujian Kloz**

Bidalan “ Sudah Jatuh Ditimpa Tangga” bermakna seseorang manusia yang menerima nasib malang secara berturut-turut. Situasi ini selalu 1 dalam masyarakat kita. Azmi pelajar Tingkatan 3, Sekolah Menengah Abu Bakar ialah seorang pelajar yang 2. Di samping itu juga 3 dalam permainan bola sepak di sekolah. Semasa 4 pertandingan bola sepak di sekolahnya, dia telah ditimpa kecederaan yang 5. Apabila dia diperiksa oleh doktor, 6 tilang kakinya telah patah. Sebulan kemudian, dia kembali ke alam 7. Dalam peperiksaan penggal pertama, dia telah 8 dalam beberapa mata pelajaran penting seperti Sains dan Matematik. 9 itu berpunca daripada kecederaan di kakinya yang menyebabkan dia tidak dapat 10 pelajaran semasa sakit.

**Jawapan**

- |                 |               |
|-----------------|---------------|
| 1. berlaku      | 2. rajin      |
| 3. aktif        | 4. menyertai  |
| 5. teruk        | 6. didapati   |
| 7. persekolahan | 8. gagal      |
| 9. Kegagalan    | 10. mengikuti |

## LAMPIRAN 2


### Story Grammar Units and Definition

UNIT	DEFINITION
Story	Consists of a common setting plus an event structure.
Event structure	Consists of a series of causally or temporally connected Episodes.
Episode	Consists of a Beginning, a Development, and an Ending.
Development	Consists of a Reaction and Goal Path.
Setting	Stative information about one or more of the characters, usually their location in time and place
Beginning	Some action or event that begins the story
Reaction	Internal reaction of a character caused by the beginning event - the reacting character becomes the protagonist of the episode
Goal Path	Protagonist formulates a plan to deal with the problem created by the beginning.
Attempt	Efforts and actions of the protagonist to try to reach that goal.
Outcome	Tells us whether the attempt was successful or not.
Ending	Consists of some further consequences or emphatic resolution to a series of events, or may also include a reaction on the part of another character

Source: Jean M.Mandler (1978)

LAMPIRAN 3

STORY STRUCTURE  
(Adapted from Mandler 1978a)



## LAMPIRAN 4

### ANALISIS BAB I DAN BAB 2 HIKAYAT SITI ZUBAIDAH

	SETTING/LATAR	Pada zaman dahulu ada sebuah negeri besar bernama Kembayat. Negeri Kembayat diperintah oleh seorang raja bernama Sultan Darman Syah. Oleh kerana kebijaksanaan dan keadilan baginda memerintah negeri, maka rakyat sekalian hidup dalam aman dan damai. Manakala keadaan negeri Kembayat dari sehari ke sehari bertambah makmur dan sejahtera
	BEGINNING 1/ PERMULAAN 1	Walaupun baginda seorang raja besar, tapi ada satu hal yang sangat merunsingkan hati baginda. Baginda sudah lama beristeri, tetapi belum juga mempunyai seorang anak. Hal inilah yang sering baginda fikirkan, dan hal ini sangat menyusahkan hati baginda.
EPISOD 1	REACTION 1/ TINDAKBALAS 1	Baginda sering duduk termenung memikirkan nasibnya yang belum mempunyai anak Sultan Darman Syah dan Permaisuri terus berazam untuk mendapat seorang putera.
	ATTEMPT 1/ PERCUBAAN 1	Semenjak hari itu baginda berdua berdoa siang dan malam dengan harapan hajat mereka itu akan dimaknulkan oleh Tuhan. Agar tuhan mengurniakan seorang putera yang akan menggantikan baginda memerintah negeri. Berjanji dan bersumpah jika tuhan mengurniakan seorang putera, akan ditabalkan sebagai raja.
	OUTCOME 1/ AKIBAT 1	Akhirnya kesedihan Sultan Darman Syah hilang apabila baginda mendapat tahu bahawa permaisuri telah hamil. Dengan sertamerta suasana muram bertukar menjadi suasana yang penuh dengan kegembiraan.
	ENDING 1/ KESUDAHAN 1	Akhirnya permaisuri pun melahirkan seorang putera. Putera baginda itu dinamakan Raja Zainal Abidin. Sebagai tanda bersyukur di atas kelahiran putera baginda itu baginda menitahkan supaya diadakan kenduri kesyukuran dan lain-lain keramaian supaya rakyat dapat bersukaria. Baginda juga tidak ketinggalan memberi sedekah kepada fakir miskin
EPISOD 2	BEGINNING 2/ PERMULAAN 2	Sultan Darman Syah teringat akan sumpah dan janji baginda untuk menabalkan putera baginda sebagai raja walaupun putera baginda masih kecil. Sultan menyatakan hasrat untuk menabalkan putera Raja Zainal Abidin sebagai raja menggantikan baginda pada para menteri dan pembesar. Semua bersetuju.
	ATTEMPT 2/ PERCUBAAN 2	Sultan Darman Syah menyatakan hasrat baginda hendak menabalkan Raja Zainal Abidin. Raja Zainal Abidin padxa mulanya keberatan untuk menerima.. Tetapi Sultan Darman Syah terus memujuk.
	OUTCOME 2/ AKIBAT 2	Sebagai putera yang berbudi tinggi, Raja Zainal Abidin tidak berani membantah kemahuan ayahanda baginda. Akhirnya baginda bersetuju.
	ENDING 2/ KESUDAHAN 2	Raja Zainal Abidin ditabalkan sebagai Raja Kembayat dengan gelaran Sultan Abdin Syah. Semenjak hari itu Sultan Abdin memerintah negeri Kembayat dengan adil dan saksama.

### Lampiran 7

#### Contoh Ringkasan Kumpulan Pembaca Mahir (Subjek Nombor 7)

Hikayat Malim Deman mengisahkan tentang percintaan seorang raja di bandar Muar. Mereka tinggal di sebuah istana yang cukup indah seperti mahligai di kayangan. Di dalam hikayat ini terdapat beberapa watak iaitu, Tuan Puteri Bongsu dan kekandanya tujuh orang dan Nenek Kebayan. Tuanku Malim Deman mengambil keputusan untuk pergi berburu di dalam hutan sebagai alasan untuk pergi mencari Tuan Puteri Bongsu. Baginda tidak dapat lupa wajah Puteri Bongsu. Sebelum ini baginda telah bermimpi bahawa ada seorang puteri kayangan yang sangat cantik dan sesuai dikahwini. Ayahanda dan bonda baginda setuju. Baginda pergi mengembara dengan pengikut-pengikutnya, Si Bujang Selamat dan seekor anjing iaitu Si Kumbang.

Pengembaraan melalui hutan yang tebal. Nasib mereka agak malang kerana semuanya mati kecuali Tuanku Malim Deman dan Si Kumbang sahaja. Baginda hanya mampu berdoa.

Tersebut pula kisah raja kayangan yang mempunyai tujuh orang puteri. Dalam masa Tuanku Malim Deman dan Si Kumbang di dalam hutan, Puteri Bongsu dari kayangan turun untuk bersiram di taman larangan di pondok nenek

kebayan. Puteri Bongsu ingin mencari jodoh yang sesuai. Jadi baginda meletakkan sehelai rambut dan cincin kepunyaannya di dalam batil emas dan menghanyutkannya. Barang siapa yang menjumpaiinya akan menjadi suaminya. Selepas itu pulang semula ke kayangan.

Kebetulan batil emas itu dijumpai oleh Tuanku Malim Deman yang masih berada di hutan. Baginda menyuruh menyuruh Si Kumbang mengambilnya. Si Kumbang kemudian mati apabila hendak menyeberang sungai. Tuanku Malim Deman teruskan perjalanan dan akhirnya sampai di pondok nenek kebayan.

Apabila sampai di rumah nenek kebayan, baginda ingin tumpang bermalam. Setelah beliau menceritakan segala-galanya tahulah nenek kebayan akan dirinya yang sebenar. Nenek kebayan berjanji akan menemukannya dengan Puteri Bongsu. Apabila tiba masa untuk puteri Bongsu dan kekandanya turun ke dunia, mereka pun turun lalu bersiram. Tuanku Malim Demam menyamar sebagai orang tua yang sdangan memancing ikan lalu mengambil baju layang kepunyaan Puteri Bongsu. Tuanputeri Bongsu tidak dapat pulang ke kayangan. Apabila dia ternampak Malim Deman, dia tertarik akan baginda dan kemudiannya berkahwin.. Ini semua dirancang oleh nenek kebayan

### Lampiran 8

#### Contoh Analisis Ringkasan Kumpulan Pembaca Mahir (Subjek Nombor 7)

Episod	Unit Tatacerita	Ringkasan Cerita	Jumlah
1	Latar	Hikayat Malim Demam mengisahkan tentang percintaan seorang raja di bandar Muar.	/
	Permulaan	Sebelum ini baginda telah bermimpi bahawa ada seporang puteri kayangan yang sangat cantik dan sesuai dikahwini.	/
	Reaksi	Baginda tidak dapat lupa wajah Puteri Bongsu	/
	Percubaan	Tuanku Malim Deman mengambil keputusan untuk pergi berburu sebagai alasan untuk pergi mencari Tuan Puteri Bongsu	/
	Akibat	Ayahanda dan bonda baginda setuju.	/
	Kesudahan	Baginda pergi mengembara dengan pengikut-pengikutnya, Si Bujang Selamat dan seekor anjing iaitu Si Kumbang	/
2	Latar	Pengembaraan melalui hutan yang tebal.	/
	Permulaan	-	
	Reaksi	Nasib mereka agak malang kerana semuanya mati.	/
	Akibat	Baginda hanya mampu berdoa.	/
	Kesudahan	Tuanku Malim Deman dan Si Kumbang sahaja.	/
3	Latar	Tersebut pula kisah raja kayangan yang mempunyai tujuh orang puteri	/
	Permulaan	Puteri Bongsu dari kayangan turun untuk bersiram di taman larangan di pondok nenek kebayan.	/

	Reaksi	Puteri Bongsu ingin mencari jodoh yang sesuai. Jadi baginda meletakkan sehelai rambut dan cincin kepunyaannya di dalam batil emas dan menghanyutkannya. Barangsiapa yang menjumpainya akan menjadi suaminya.	/
	Kesudahan	Selepas itu pulang semula ke kayangan.	/
4	Latar	Tuanku Malim Deman yang masih berada di hutan.	/
	Permulaan	Kebetulan batil emas itu dijumpai oleh Tuanku Malim Deman.	/
	Reaksi	Baginda menyuruh Si Kumbang mengambilnya.	/
	Percubaan	Tuanku Malim Deman teruskan perjalanan	/
	Akibat	Si Kumbang kemudian mati apabila hendak menyeberang	/
	Kesudahan	Akhirnya sampai di pondok nenek kebayan	/
5	Latar	Di rumah nenek kebayan	/
	Permulaan	Baginda ingin tumpang bermalam	/
	Reaksi	Setelah beliau menceritakan segala-galanya tahulah nenek kebayan akan dirinya yang sebenar.	/
	Percubaan	Nenek kebayan berjanji akan menemukannya dengaan Puteri Bongsu. Tuanku Malim Deman menyamar sebagai orang tua yang sedang memancing ikan lalu mengambil baju layang kepunyaan Puteri Bongsu. Tuan Puteri Bongsu tidak dapat pulang ke kayangan.	/
	Akibat	Apabila dia ternampak Malim Deman dia tertarik akan baginda	/
	Kesudahan	dan kemudiannya berkahwin.	/
	Jumlah		26

**Lampiran 9****Contoh Ringkasan Kumpulan Pembaca Kurang Mahir****(Subjek Nombor 21)**

Ayahanda dan bonda membenarkan Tuanku Malim Demam pergi. Tuanku Malim Deman berangkat dengan diiringi. Malim Deman tidak dapat buat apa-apa. Semua kuasa tuhan. Tinggallah Tuanku Malim Deman dan Si Kumbang. Tuan Puteri dari kayangan turun ke rumah nenek kebayan. Tuanputeri Bongsu mandi. Ambil rambut dan cincin masuk dalam kotak. Kemudian balik kayangan. Dekat dengan sungai dalam hutan,tuanku jumpa kotak. Kemudian tiba rumah nenek. Malim Deman bercakap betul pada nenek. Sorok baju Puteri Bongsu. Tidak boleh balik. Jumpa nenek bagi selesai. Tuanku Malim Deman kahwin sama Puteri Bongsu.

### Lampiran 10

#### Contoh Analisis Ringkasan Kumpulan Pembaca Kurang Mahir

#### (Subjek Nombor 21)

Episod	Unit Tatacerita	Ringkasan Cerita	Jumlah
1	Latar		
	Permulaan		
	Reaksi		
	Percubaan		
	Akibat	Ayahanda dan bonda membenarkan Tuanku Malim Demam pergi.	/
	Kesudahan	Tuanku Malim Deman berangkat dengan diiringi .	/
2	Latar		
	Permulaan		
	Reaksi		
	Akibat	MalimDeman tidak dapat buat apa-apa. Semua kuasa tuhan.	/
	Kesudahan	Tinggallah Tuanku Malim Deman dan Si Kumbang.	/
3	Latar	Tuan puteri dari kayangan turun ke rumah nenek kebayan	/
	Permulaan	Tuan Puteri Bongsu mandi	/
	Reaksi	Ambil rambut dan cincin masuk dalam kotak.	/
	Kesudahan	Kemudian balik kayangan.	/
4	Latar	Dekat dengan sungai dalam hutan	/
	Permulaan	Tuanku jumpa kotak	/
	Reaksi		
	Percubaan		
5	Akibat		
	Kesudahan	Tiba rumah nenek	/
	Latar		
5	Permulaan		
	Reaksi	Malim Deman bercakap betul pada nenek	/
	Percubaan	Sorok baju Puteri Bongsu. Tidak boleh balik	/
	Akibat	Jumpa nenek bagi selesai.	/
	Kesudahan	Tuanku Malim Deman kahwin sama Puteri Bongsu	/
		Jumlah	15